



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN BIL.5**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

1. Adakah perkhidmatan di Kaunter Perkhidmatan Setempat KPKT dibuka untuk urusan?

Tidak.

**KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

2. Bolehkah saya membuka perniagaan Kredit Komuniti (KK) dan Pemegang Pajak Gadai (PPG)?

Tidak.

3. Adakah peminjam dengan syarikat Kredit Komuniti boleh dikenakan caj bagi kelewatan menjelaskan pinjaman dalam tempoh PKP ini?

Syarikat Kredit Komuniti yang berdaftar dengan KPKT disarankan untuk tidak mengenakan caj kelewatan sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan ini.

4. Adakah pemajak boleh melanjutkan tempoh masa penebusan bagi sesuatu sandaran dengan syarikat PPG jika tidak dapat membuat bayaran balik pinjaman dalam tempoh pajakan yang ditetapkan?

Syarikat PPG diarahkan untuk melanjutkan masa penebusan tanpa mengenakan keuntungan (caj faedah) terhadap setiap pemajak gadai dalam tempoh PKP ini. Catatan pelanjutan ini hendaklah direkodkan dalam buku PPG dan surat pajak gadai. Perkara ini adalah selaras dengan Seksyen 19 Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81].

**5. Adakah peminjam boleh menangguhkan bayaran balik pinjaman ansuran bulanan dalam tempoh PKP ini?**

Syarikat Kredit Komuniti berdaftar dengan KPKT diarahkan supaya memberi penangguhan bayaran balik pinjaman sepanjang tempoh PKP tanpa mengenakan sebarang caj dan faedah terhadap peminjam.

**PERUMAHAN**

**6. Adakah pengurusan perumahan di bawah KPKT berjalan seperti biasa?**

Tidak. Urusan berkaitan boleh dilaksanakan secara dalam talian untuk perkhidmatan permohonan Advertising, Permit and Developer License (APDL) baharu, pembaharuan APDL, permohonan pengeluaran wang tambahan (P9 dan P11), pengemaskinian maklumat pemaju melalui e-pemaju, pengemaskinian maklumat 7(f), pendaftaran nama pemohon untuk Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) dan aduan melalui Sistem Aduan Bersepadu (SAB).

**7. Adakah permohonan Program/Skim Perumahan di bawah KPKT seperti Program Perumahan Rakyat (PPR) & Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) masih dibuka?**

Ya. Sebarang permohonan boleh dibuat secara dalam talian (*online*) di portal <https://teduh.kpkt.gov.my> atau <https://sprn.kpkt.gov.my>.

**8. Adakah operasi Bahagian Perlesenan Pemajuan Perumahan JPN di Kaunter Setempat KPKT dibuka?**

Tidak. Sebarang urusan boleh dibuat secara dalam talian (*online*). Semua APDL yang telah diluluskan akan dikeluarkan pada **15 April 2020**.

**9. Adakah Bahagian Penguatkuasaan JPN boleh menerima aduan daripada pembeli berkaitan dengan Akta 118 dan peraturan-peraturannya.**

Ya. Aduan daripada pembeli atau mana-mana pihak berkepentingan boleh dikemukakan secara dalam talian (*online*) di <https://aduan.kpkt.gov.my>.

**10. Adakah penangguhan diberikan untuk pembayaran sewa dan bayaran bulanan PPR di bawah KPKT?**

Ya, **pengecualian bayaran sewa dan bayaran bulanan** bagi semua PPR di bawah pengurusan KPKT diberikan untuk bulan **Mac 2020**.

**Pengecualian** diberi seterusnya mulai April sehingga September 2020 untuk pembayaran sewa bagi **PPR di sewa dan rumah transit KPKT** iaitu melibatkan PPR Lembah Subang 1 dan Rumah Transit Bukit Jalil.

Manakala **penangguhan bayaran bulanan** diberi mulai April hingga September 2020 bagi PPR yang terlibat dengan **Skim Sewa Untuk Dimiliki (RTO)** di bawah KPKT seperti berikut:

- i. PPR Sentul Murni
- ii. PPR Lembah Subang 2
- iii. PPR Kampung Hassan
- iv. PPR Ladang Siliau
- v. PPR Tok Suboh
- vi. PPR Amanjaya
- vii. PPR Kota Setar
- viii. PPR Sinar Intan 3
- ix. PPR Gua Musang
- x. PPR Kota Bharu

**11. Bilakah tarikh akhir yang ditetapkan bagi penghantaran laporan 7F dan laporan 7E?**

Selaras dengan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April 2020, JPN ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir penghantaran **Laporan 7F** dilanjutkan kepada **31 Mei 2020** manakala **laporan 7E** dilanjutkan kepada **31 Oktober 2020**. Untuk maklumat terkini, pihak tuan/puan boleh semak di portal kami.

**12. Apakah cadangan bagi menangguhkan bayaran pinjaman balik untuk peminjam skim pinjaman perumahan (SPP) untuk golongan berpendapatan rendah, Jabatan Perumahan Negara (JPN)**

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk membantu semua rakyat dalam menghadapi kesan daripada penularan pandemik COVID 19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac hingga 14 April 2020, JPN bercadang untuk membantu peminjam-peminjam SPP yang menghadapi kesukaran dalam membayar balik pinjaman dengan beberapa kaedah seperti berikut:

- (i) Semua peminjam SPP diberikan kelonggaran untuk tidak membuat bayaran ansuran bulanan untuk tempoh di antara April 2020 sehingga September 2020 sekiranya mengalami kesukaran kewangan;

- (ii) JPN tidak akan mengemukakan sebarang notis tuntutan bermula Mac hingga Disember 2020 kepada semua peminjam yang tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual bayaran;
- (iii) Peminjam yang mampu masih boleh membuat bayaran balik pinjaman seperti biasa;
- (iv) Peminjam yang tidak membuat bayaran balik pinjaman untuk tempoh tersebut masih tertakluk kepada tempoh perjanjian yang sedia ada. Peminjam perlu menanggung tambahan premium insuran gadai janji sekiranya bayaran balik pinjaman sepenuhnya tidak dapat diselesaikan mengikut tempoh perjanjian pinjaman yang telah ditetapkan;
- (v) Peminjam boleh mengemukakan permohonan untuk penstrukturan semula tempoh pinjaman SPP sekiranya terdapat keperluan. Kesemua permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan kelak; MS 2 / 2
- (vi) Tiada tindakan pelepasan tanah akan dibuat kepada semua peminjam yang tidak membuat bayaran balik pinjaman SPP di antara tempoh April hingga September 2020; dan
- (vii) Semua peminjam SPP adalah diminta untuk menghubungi Cawangan Pembiayaan Perumahan, Bahagian Pengurusan Perumahan di Jabatan Perumahan Negara untuk mendapatkan penerangan lanjut mengenai perkara ini. 2. Semoga dengan pelaksanaan inisiatif JPN ini, ia dapat meringankan beban kewangan peminjam-peminjam SPP yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

**13. Bagaimana saya boleh hubungi JPN, KPKT?**

Sila hubungi:

Jabatan Perumahan Negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 30-38, No.51,

Persiaran Perdana Presint 4,

62100 Putrajaya

Emel: [unit korporatJPN@kpkt.gov.my](mailto:unit korporatJPN@kpkt.gov.my) atau [jayaselan@kpkt.gov.my](mailto:jayaselan@kpkt.gov.my)

**14. Adakah pihak PR1MA akan mengambil tindakan terhadap aduan kerosakan unit atau rumah PR1MA yang sudah didiami?**

Tidak. Tindakan akan diambil bagi kerosakan yang kritikal sahaja dalam tempoh ini.

## **PENGURUSAN SKIM STRATA**

- 15. Adakah Mesyuarat Agung (AGM/EGM) yang dirancang boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak. Segala mesyuarat hendaklah ditangguhkan.

- 16. Adakah premis perniagaan, institusi pendidikan serta taska di skim strata boleh dibuka dan beroperasi seperti biasa semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan?**

Tidak, kesemua premis perniagaan, institusi pendidikan serta taska di skim strata hendaklah ditutup melainkan jika ia melibatkan perkhidmatan penting (*essential services*) yang dibenarkan.

- 17. Adakah pejabat pengurusan (*Management Office*) boleh dibuka semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Pejabat pengurusan (*Management Office*) di suatu skim strata hanya boleh dibuka dari jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang bagi tujuan operasi untuk memastikan perkhidmatan penting (*essential services*) di sesebuah skim strata tidak terjejas. Walau bagaimanapun, pejabat pengurusan adalah ditutup dan tidak dibenarkan akses kepada orang ramai (*public*) dalam tempoh PKP bagi mengelakkan penyebaran wabak COVID-19. Bilangan pekerja JMB/MC atau pengurus harta yang hadir bertugas tidak boleh melebihi 2 orang pada satu-satu masa.

- 18. Adakah Ejen Pengurusan/ *Property Manager* yang menguruskan skim strata dibenarkan beroperasi?**

Boleh, tetapi tertakluk kepada langkah-langkah sebagaimana yang dinyatakan dalam soalan bil 17 dan 19.

- 19. Apakah langkah yang perlu dipatuhi oleh pihak pengurusan, ejen pengurusan atau pengurus harta yang beroperasi semasa tempoh PKP?**

- (i) JMB/MC/syarikat pengurus harta hendaklah mengeluarkan surat pengesahan pekerja bagi sesebuah skim strata;

- (ii) Masa bekerja hanya bermula pada jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang sahaja;
- (iii) Bilangan pekerja JMB/MC atau pengurus harta yang hadir tidak boleh melebihi 2 orang pada satu satu masa bagi pengoperasian skim strata;
- (iv) JMB/MC/syarikat pengurus harta hendaklah melaksanakan saringan dan pencegahan wabak COVID-19 bagi memastikan keselamatan pekerja;
- (v) Pekerja / pengurus harta hendaklah mengamalkan jarak sosial (*social distancing*) dalam lingkungan sekurang-kurangnya 1 meter di antara individu serta mengamalkan langkah-langkah pencegahan, kawalan serta sanitasi COVID-19; dan
- (vi) JMB/MC/syarikat pengurus harta perlu mengambil tindakan yang bersesuaian untuk mencegah COVID-19 bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, penyedia perkhidmatan, penduduk dan semua pihak yang berada di dalam skim strata selari dengan arahan Kerajaan dari semasa ke semasa.

**20. Adakah harta bersama seperti dewan, gym, badminton court, swimming pool boleh disewakan/ digunakan dalam tempoh ini?**

Tidak.

**21. Adakah pengubahsuaian rumah (*renovation*) di skim strata dibenarkan dalam tempoh ini?**

Tidak.

**22. Adakah operasi pengurusan kritikal sesebuah skim strata seperti air, elektrik, keselamatan, pembersihan, penyelenggaraan lif, sistem pam boleh diteruskan?**

Ya. Operasi yang dinyatakan boleh diteruskan.

**23. Sekiranya berlaku kerosakan seperti kebocoran paip adakah penyelenggaraan boleh dilaksanakan?**

Tidak. Tindakan hanya boleh diambil bagi kerosakan yang kritikal dan menjejaskan keselamatan penduduk sahaja dalam tempoh ini.

**24. Adakah mesyuarat jawatankuasa pengurusan boleh dilaksanakan di sesebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan?**

Segala mesyuarat jawatankuasa pengurusan yang melibatkan perhimpunan dan secara fizikal tidak dibenarkan.

Namun, mesyuarat jawatankuasa pengurusan secara telesidang (*tele-conference*) adalah dibenarkan.

**25. Adakah komuniti strata kediaman dan strata komersial bebas bergerak dalam kawasan skim strata semasa tempoh penularan Covid-19?**

Tidak.

Untuk skim strata kediaman, pergerakan perlu dihadkan dengan mengamalkan *social distancing* kecuali perkara kritikal seperti perubatan, kebersihan dan pembekalan makanan. Untuk skim strata komersial seperti bangunan pejabat, pekerja yang bertugas di bawah perkhidmatan penting (*essential services*) yang memerlukan akses ke pejabat di bawah skim strata adalah **diwajibkan untuk memakai topeng muka (*face mask*) dan mengurangkan pergerakan keluar masuk bangunan kecuali jika melibatkan perkara kritikal sahaja**. Pejabat-pejabat di bangunan skim strata yang dijadikan pejabat pengurusan sesebuah syarikat di bawah sektor perkhidmatan penting (*essential services*) adalah **diwajibkan** untuk melaporkan kepada pejabat pengurusan bagi melancarkan urusan keluar masuk bangunan dan/atau pengawasan oleh pihak pengurusan.

**26. Bagaimanakah pihak pengurusan dan penyelenggaraan skim strata harus beroperasi untuk mengurus skim strata jika pejabat pengurusan (*management office*) ditutup semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan ini?**

Pejabat pengurusan (*Management Office*) di suatu skim strata hanya boleh dibuka dari jam 8.00 pagi sehingga jam 5.00 petang bagi tujuan operasi untuk memastikan perkhidmatan penting (*essential services*) di sesebuah skim strata tidak terjejas. Walau bagaimanapun, pejabat pengurusan adalah ditutup dan tidak dibenarkan akses kepada orang ramai (*public*) dalam tempoh PKP bagi mengelakkan penyebaran wabak COVID-19. Bilangan pekerja JMB/MC atau pengurus harta yang hadir bertugas tidak boleh melebihi 2 orang pada satu-satu masa.

**27. Adakah kontraktor pembasmian kuman boleh dibenarkan untuk masuk untuk menjalankan perkhidmatan tersebut?**

Ya. Kontraktor pembasmian kuman adalah dibenarkan untuk masuk premis / unit di skim strata untuk menjalankan perkhidmatan tersebut.

**28. Adakan pelawat (*visitor*) dibenarkan masuk skim strata kediaman seperti kondominium?**

Tidak. Pelawat tidak dibenarkan dibenarkan masuk ke skim strata kediaman seperti kondominium melainkan dalam keadaan berikut:-

- (a) Penghuni adalah warga emas yang tinggal bersendirian dan memerlukan pemantauan. Hanya anak-anak atau adik-beradik terdekat kepada penghuni atau penjaga dibenarkan melawat jika perlu;
- (b) Penghuni adalah pesakit (**bukan pesakit Covid-19 atau mana mana penyakit lain yang memerlukan notifikasi di bawah Seksyen 10 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**) atau individu yang lemah yang memerlukan pemantauan tetap. Hanya anak-anak atau adik-beradik terdekat kepada penghuni atau penjaga dibenarkan melawat jika perlu;
- (c) Penghuni yang memerlukan intervensi perubatan segera. Hanya anak-anak atau adik-beradik kepada kepada penghuni atau penyedia perubatan dibenarkan untuk melawat jika perlu;
- (d) Kes kematian yang berlaku dalam unit penghuni yang **tidak melibatkan wabak Covid-19 atau mana mana penyakit lain yang memerlukan notifikasi di bawah Seksyen 10 Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**. Hanya anak-anak atau adik-beradik terdekat atau penjaga sahaja dibenarkan melawat jika perlu; dan
- (e) Pelawat tersebut adalah dibenarkan untuk masuk skim strata kediaman selepas **melalui dan lulus saringan imbasan suhu**. Pelawat dengan suhu badan melebihi 38°C tidak dibenarkan masuk skim strata kediaman.

**29. Adakan aktiviti sewaan penginapan jangka pendek (*short term rental accommodation*) seperti Airbnb dan sebagainya dibenarkan dalam skim strata kediaman semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan.**

Tidak. Segala aktiviti sewaan penginapan jangka pendek (*short term rental accommodation*) seperti Airbnb dan sebagainya tidak dibenarkan dalam skim strata kediaman semasa tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan.



**30. Bagaimana pula dengan pos, courier dan pekerja penghantaran (FoodPanda, Grabfood dan sebagainya)?**

Pekerja pos, courier dan pekerja penghantaran (FoodPanda, Grabfood dan sebagainya) adalah dibenarkan untuk masuk skim strata sampai setakat pondok / kaunter kawalan keselamatan (*security guardhouse/security counter*) sahaja selepas melalui dan lulus saringan imbasan suhu, dan pekerja pos boleh masuk sehingga ke bilik peti surat (*mail box room*). Pekerja penghantaran dengan suhu badan yang melebihi 38°C tidak dibenarkan menghantar barang-barangnya.

**31. Sekiranya kerosakan seperti kobocoran paip atau litar pintas yang berlaku mengakibatkan bekalan untuk penduduk terjejas atau terputus, bolehkah penyenggaraan dilaksanakan?**

Boleh. Tindakan perlu diambil segera untuk kerja baikpulih kerana kerosakan ini boleh menjejaskan kehidupan harian penduduk sepanjang tempoh Perintah Kawalan Keselamatan.

**32. Bolehkah penduduk melakukan sebarang aktiviti luar seperti bersenam, jogging dan sebagainya di kawasan skim strata?**

Tidak. Penduduk wajib duduk di dalam petak kediaman masing-masing sahaja untuk mengamalkan jarak sosial (*social distancing*) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Keselamatan.

**33. Dalam skim strata komersial seperti bangunan pejabat, adakah perniagaan di dalam premis dibenarkan beroperasi?**

Hanya perniagaan yang terdiri daripada perkhidmatan penting (*essential services*) sahaja dibenarkan. Sekiranya ada sebarang perniagaan yang bukan perkhidmatan penting masih beroperasi, sila laporkan ke balai polis yang berdekatan untuk tindakan lanjut.

**34. Bolehkah urusan pindah masuk atau keluar dibenarkan?**

Tidak. Hanya perkhidmatan penting (*essential services*) sahaja dibenarkan untuk urusan pindah masuk atau keluar.

- 35. Perjanjian penyewaan saya telah tamat dan saya terpaksa pindah keluar? Bolehkah saya dibenarkan untuk pindah keluar? Kalau tidak, apakah yang harus saya lakukan?**

Tidak. Adalah digalakkan pihak penyewa berbincang dengan pihak pemilik untuk melanjutkan tempoh penyewaan sehingga tempoh Perintah Kawalan Keselamatan tamat.

## **PENGURUSAN SISA PEPEJAL**

- 36. Adakah perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh syarikat konsesi akan diberhentikan sepanjang tempoh PKP ini?**

Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam merupakan *essential services* yang perlu diteruskan walaupun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berkuatkuasa. Perkhidmatan perlu diteruskan bagi memastikan tahap kebersihan kawasan sentiasa terpelihara dan rakyat dapat menjalani hidup dengan selesa dalam situasi pergerakan yang terbatas.

Sekiranya ada keperluan, kekerapan jadual perkhidmatan boleh dikurangkan. Sebagai contoh, lokasi-lokasi yang telah ditutup seperti di restoran, pusat-pusat komersial, institusi awam (pejabat kerajaan) dan premis swasta yang tidak beroperasi atau kawasan-kawasan awam yang kurang pengunjung. Oleh itu, akan berlaku keadaan di mana janaan sampah adalah kurang di kawasan-kawasan tersebut dan tiada keperluan untuk meneruskan kekerapan kutipan atau pembersihan awam seperti biasa. Ini bagi mengelakkan kehadiran pekerja-pekerja syarikat konsesi di tempat awam.

- 37. Sekiranya janaan sampah sepanjang tempoh PKP meningkat di kawasan perumahan, adakah ianya akan dikutip oleh syarikat konsesi?**

Kutipan sampah akan dijalankan seperti biasa mengikut jadual tanpa mengambil kira jumlah janaan sisa tersebut.

- 38. Adakah kerja-kerja pembersihan longkang dan pemotongan rumput berjalan seperti biasa dalam tempoh PKP ini?**

Perkhidmatan pembersihan awam seperti pemotongan rumput dan pembersihan longkang tetap diteruskan mengikut jadual dan frekuensi sedia ada.

**39. Adakah kerja-kerja kutipan sampah berjalan seperti biasa di kawasan perumahan sepanjang tempoh PKP?**

Ya, perkhidmatan kutipan sampah berjalan seperti biasa mengikut jadual supaya tidak menyebabkan kacau ganggu pencemaran bau dan kotoran di kawasan perumahan.

**40. Adakah anggota Penguat Kuasa SWCorp akan bertugas seperti biasa semasa PKP?**

Ya, anggota Penguat Kuasa SWCorp akan bertugas seperti biasa. Pemantauan kerja konsesi dilakukan melalui sistem online berpusat. Kehadiran anggota penguatkuasa di lapangan juga diteruskan tetapi tempoh masa serta bilangan anggota diminimumkan bagi memastikan keselamatan warga kerja SWCorp dari sebarang risiko jangkitan.

**41. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh syarikat konsesi supaya pekerja kutipan sampah tidak terdedah kepada sebarang risiko jangkitan penyakit.**

- (a) Pekerja pembersihan (kutipan sampah) diwajibkan untuk menggunakan bin lifter semasa kerja kutipan dijalankan dan tidak memegang sampah.
- (b) Pekerja sentiasa diingatkan untuk mematuhi arahan keselamatan pihak berkuasa dan mengenakan *Personal Protection Equipment (PPE)* seperti sarung tangan, topeng muka dan *hand sanitizer*.
- (c) Mereka dikehendaki mematuhi *social distance* sekurang-kurangnya 1 meter jika perlu berurusan dengan orang awam

**42. Adakah SWCorp bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu menyelesaikan isu kebersihan sepanjang tempoh PKP?**

SWCorp merupakan agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam di 7 buah negeri iaitu **WP Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor**. SWCorp sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengendalikan semua isu berbangkit sepanjang tempoh PKP demi kesejahteraan rakyat.

**43. Adakah pekerja kutipan sampah dan pembersihan awam syarikat konsesi mempunyai risiko untuk dijangkiti Covid-19 semasa bertugas?**

- (a) Para pekerja terdedah dengan risiko wabak Covid 19 jika SOP Cara Kerja yang selamat tidak dipatuhi.
- (b) Orang awam juga dinasihatkan untuk melupuskan topeng muka dengan cara yang selamat dengan merujuk kaedah pelupusan topeng muka di laman sosial SWCorp iaitu :
  - Facebook : Perbadangan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
  - Instagram : SWCorp Malaysia @swcorp\_my
  - Twitter : @swcorp\_my
- (c) Selain itu, pekerja konsesi turut terlibat melaksanakan sebahagian pembersihan medan selera dan pasar yang kerap dikunjungi orang ramai untuk mendapatkan keperluan harian. Ini juga mengundang risiko kepada pekerja. Oleh itu, para pekerja sentiasa diingatkan untuk mematuhi arahan keselamatan pihak berkuasa dan mengenakan *Personal Protection Equipment (PPE)* seperti sarung tangan, topeng muka dan memakai *hand sanitizer*.
- (d) Pekerja juga dikehendaki mematuhi *social distance* sekurang-kurangnya 1 meter jika perlu berurusan dengan orang awam.

**44. Bagaimana dengan kutipan sisa taman, sisa pukal dan sisa kitar semula?**

- (a) Kutipan kesemua jenis sisa tersebut akan berjalan seperti biasa mengikut jadual yang ditetapkan di setiap kawasan perkhidmatan.
- (b) Orang awam hendaklah membuang sampah ke dalam tong sampah dengan kaedah yang betul iaitu dengan mengasingkan sampah.
- (c) Sisa baki (sisa kotor seperti sisa makanan, pembungkus makanan, diapers, face mask dan sebagainya) perlu dimasukkan ke dalam tong yang disediakan.
- (d) Sisa yang boleh dikitar semula hendaklah diasingkan dan diletakkan di tepi tong pada hari kutipan kitar semula iaitu seminggu sekali.

- (e) Sisa pukal seperti perabot dan sisa kebun juga boleh diletakkan di hadapan rumah untuk dikutip oleh syarikat konsesi pada jadual yang sama seperti sisa kitar semula.

**45. Apakah nombor yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang perlu tindakan segera?**

Talian yang boleh dihubungi :

- i. Talian Indahkan Malaysia : 1 800 88 7472
- ii. Alam Flora (Kuala Lumpur dan Putrajaya) : 03-20527978
- iii. Alam Flora Pahang : 09-5735666
- iv. SWM Johor : 07-3356000
- v. SWM Melaka : 06-33501166
- vi. SWM Negeri Sembilan : 06-6014276/4278/4280
- vii. E-Idaman Perlis : 019-4003980
- viii. E-Idaman Kedah : 04-7711320

**46. Bilakah operasi sanitasi awam KPKT di kawasan awam akan dilaksanakan?**

Operasi operasi sanitasi awam KPKT akan dilaksanakan mulai 30 Mac 2020 sehingga 14 April 2020.

**47. Berapa kawasan yang terlibat dalam operasi sanitasi awam KPKT?**

Pelaksanaan Operasi Sanitasi Awam COVID-19 disasarkan di kawasan yang telah dikenalpasti oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti berikut:

- i. fasa pertama – kawasan kes tinggi (red zone area) akan dijalankan secara serentak; dan
- ii. fasa kedua – kawasan di bawah kategori zon jingga akan dijalankan secara berperingkat.
- iii. Fasa ketiga – kawasan di bawah kategori zon kuning akan dijalankan berdasarkan arahan pihak berkuasa.

Lokasi spesifik ditentukan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) kawasan dalam radius 1.5km atau ditentukan oleh PKD yang mempunyai high human interface dan kawasan tumpuan awam.

**48. Berapa lamakah tempoh operasi sanitasi awam KPKT akan dilaksanakan?**

Operasi ini akan dimulakan jam 9 pagi sehingga selesai dan penduduk Kawasan terlibat perlu berada di rumah sepanjang tempoh operasi dilaksanakan.

**49. Adakah semasa operasi sanitasi awam kawasan terlibat ditutup atau dibuka untuk laluan kenderaan awam?**

Kawasan terlibat akan ditutup untuk laluan orang awam atau kenderaan awam sepanjang tempoh operasi.

**50. Adakah operasi sanitasi awam KPKT hanya dilaksanakan di kawasan zon merah sahaja?**

Operasi sanitasi awam KPKT memberi keutamaan kepada kawasan zon merah terlebih dahulu. Selepas itu, fokus juga akan tertumpu kepada kawasan zon jingga dan hijau.

**51. Adakah operasi sanitasi awam KPKT akan dilaksanakan serentak di semua tempat?**

Ya, akan dilaksanakan serentak mulai 30 Mac 2020 hingga 14 April 2020.

**52. Bagaimana pula operasi sanitasi awam di negeri lain selain daripada kawasan yang disenaraikan?**

Kawasan-kawasan lain akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Penentuan kawasan adalah tertakluk kepada zon yang akan ditentukan oleh pihak KKM atau PKD.

**53. Adakah kawasan yang telah selesai operasi sanitasi awam akan dibuka untuk laluan orang awam?**

Pihak penduduk di kawasan sekitar operasi akan dimaklumkan melalui pengumuman bergerak setelah selesai operasi. Operasi ini dijangka akan mengambil masa lebih kurang 4 jam.

**54. Adakah operasi sanitasi awam akan dilakukan kerap lagi di satu-satu tempat?**

Kekerapan operasi sanitasi awam akan dilaksanakan secara berkala dan bergantung kepada kes covid yang diklasifikasikan oleh pihak KKM atau PKD.

**55. Adakah operasi sanitasi awam KPKT akan dilaksanakan secara berterusan?**

Ya. Operasi sanitasi awam akan dilaksanakan berterusan sehingga tamat tempoh PKP.

**56. Adakah bahan kimia yang digunakan merbahaya dan boleh memberi kesan kepada orang awam?**

Tidak. Bahan yang digunakan adalah bahan penyahaktif kuman yang telah mendapat kelulusan Jabatan Kimia Malaysia.

**57. Siapakah agensi yang terlibat dalam operasi sanitasi awam KPKT yang dilaksanakan?**

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perdananan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Syarikat Konsesi Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pusat Kesihatan Daerah (PKD).

**58. Adakah kawasan yang akan disanitasi hanya jalan-jalan utama sahaja?**

Tidak. Operasi sanitasi awam akan bermula dari bahu jalan sehingga ke dinding luar bangunan/premis atau pagar yang merangkumi perabot jalan seperti papan tanda, sisi jalan (kerb side), penghadang (guard rail) termasuk tiang lampu, lampu isyarat serta meliputi tempat awam yang terbuka atau lokasi kunjungan orang awam seperti laluan siar kaki, jejantas, taman awam, taman permainan kanak-kanak, pasar awam, kemudahan awam, hab-hab pengangkutan awam serta pusat tong sisa pepejal.

- 59. Adakah operasi sanitasi awam KPKT akan melibatkan Persatuan Penduduk atau orang awam?**

Tidak. Hanya melibatkan petugas operasi sahaja. Penduduk mahupun orang awam perlu berada di rumah masing – masing.

- 60. Adakah kerja- kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam berjalan seperti biasa semasa operasi sanitasi awam KPKT?**

Kerja-kerja kutipan dan pembersihan akan bersambung seperti biasa selepas berakhir operasi tersebut.

- 61. Apakah langkah-langkah yang diambil supaya petugas operasi sanitasi awam tidak terdedah kepada sebarang risiko?**

Petugas operasi dibekalkan kelengkapan peralatan perlindungan diri (PPE) dan perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

- 62. Apakah nombor yang boleh dihubungi sekiranya berlaku kerosakan aset awam semasa operasi sanitasi awam KPKT?**

Pengadu perlu membuat laporan polis dan menyalurkan aduan melalui aduan rasmi untuk proses tuntutan ganti rugi.

### **PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

- 63. Adakah jualan pasar awam akan dibuka?**

Ya, pasar awam dibuka.

- 64. Adakah jualan pasar pagi dan pasar tani akan dibuka?**

Tidak. kesemua jenis pasar seperti pasar pagi, pasar malam, pasar tani, pasar juadah, bazar dan jualan bonet kereta akan ditutup.



65. **Adakah premis restoran, penjaja kecil dan kenderaan saji (*food truck*) boleh dibuka?**

Restoran, penjaja kecil, kenderaan saji/ *food truck*, gerai statik, penempatan penjaja sementara dan kiosk berkaitan perkhidmatan penyediaan makanan dibenarkan untuk dibuka. Pelanggan tidak dibenarkan untuk makan di premis berkenaan dan peniaga hanya dibenarkan untuk menjual makanan melalui kaedah pembungkusan (*take away*), penghantaran (*delivery*) atau pandu lalu (*drive thru*) sahaja.

## **KEBOMBAAN**

66. **Adakah perkhidmatan kebombaam beroperasi seperti biasa?**

Ya kecuali perkhidmatan kaunter dan pemeriksaan bangunan.

67. **Adakah perkhidmatan kaunter untuk pemeriksaan alat pemadam api, pengeluaran Salinan Laporan Kebakaran dan Kecemasan dilaksanakan?**

Tidak, kecuali permohonan secara dalam talian.

## **TRIBUNAL PERUMAHAN DAN PENGURUSAN STARA**

68. **Adakah kes-kes yang ditetapkan untuk perbicaraan di Tribunal Perumahan & Pengurusan Strata (TPPS) akan dijalankan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Tidak. Semua sesi pendengaran kes akan ditangguhkan dalam tempoh ini ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.